

02 JANUARI 2018

Dua ditahan miliki 400 Eramin 5

Kuala Lumpur

Dua ditahan miliki 400 Eramin 5

Dua lelaki berusia 19 dan 20 tahun ditahan bersama 400 Eramin 5 bernilai RM2,400 di Batu 2 1/2, Jalan Cheras, jam 12.30 tengah malam semalam.

Ketua Polis Daerah Cheras Asisten Komisioner Abdul Ghani Mohamad Ji berkata, dadah itu disimpan dalam plastik dan dibungkus menggunakan kertas surat khabar.

“Pemeriksaan terhadap suspek pertama tidak menemui apa-apa sebelum suspek kedua menyerahkan bungkusan berkenaan,” katanya.

Menurutnya, bungkusan itu mengandungi 40 keping

balutan aluminium dengan setiap satu mengandungi 10 Eramin 5.

“Kedua-dua suspek dibawa ke balai untuk siasatan lanjut dan hasil ujian air kencing mendapati mereka negatif dadah.

“Kedua-dua suspek yang tidak bekerja mengaku mengambil bekalan daripada seorang lelaki di pangsapuri di Cheras pada harga RM600 bagi setiap 10 balutan aluminium selain mendakwa ini kali pertama mereka berurusan.

“Kedua-dua suspek direman hingga 7 Januari ini,” katanya.